



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 29 FEBRUARI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	LELAKI ANIAYA ANAK ANJING DIDENDA, LOKAL, HM -8	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
2.	LEKAI PUKUL ANAK ANJING DIDENDA RM14,000, NASIONAL, BH -22	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

## Lelaki pukul anak anjing didenda RM14,000



**Yahya didakwa dengan kejaman memukul dua anak anjing di belakang rumah di Batu 11, Jalan Gombak Lama, Gombak pada 1 Ogos tahun lalu.**

**Kuala Lumpur:** Seorang lelaki yang tular di media sosial kerana menghempas, memukul dan mencekik dua anak anjing berusia sebulan, tahun lepas didenda RM14,000 atau penjara enam bulan oleh Mahkamah Sesyen Selangor di sini, semalam.

Hakim Maziah, Joary Mohd Tajudin menjatuhkan hukuman itu ke atas Yahya Ammar Md Yusof, 41, selaku orang kena saman (OKS) selepas dia mengaku bersalah atas pertuduhan, Yahya Ammar didakwa dengan kejamnya memukul dua anak anjing di belakang rumah di Batu 11, Jalan Gombak Lama, Gombak di sini antara 10 dan 11 pagi, pada 1 Ogos tahun lalu.

Lelaki itu didakwa mengikut Seksyen 44(1)(a) Akta Binatang

1953 yang boleh dihukum mengikut seksyen dan akta sama dan dibaca bersama Akta Binatang (Pindaan 2013) yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara sehingga setahun atau kedua-duanya.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa Bahagian Penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor, Roslan Mohd Isa memohon hukuman berat dikenakan terhadap OKS dengan alasan perbuatan itu tidak sepatutnya berlaku.

"Kes ini sudah tular di negara ini, OKS seharusnya menggunakan saluran yang betul sebelum bertindak, tambahan pula dua anak anjing itu masih kecil dan tidak berpuaya melawan OKS. Saya mohon hukuman yang

memberi pengajaran kepada OKS dan masyarakat," katanya. Bagaimanapun, peguam Alif Ahmad Tarmizi yang mewakili OKS memohon hukuman ringan dengan alasan OKS adalah pe-nanggung utama keluarga dan itu kesalahan pertama anak guamnya.

"Pada hari kejadian, anak anjing berkenaan mahu menyerang dan mencederakan anak guam saya. Dia melakukan perbuatan itu untuk mempertahankan diri.

"Malah, anak guam saya juga telah membuat laporan kepada pemimpin masyarakat (ketua kampung) untuk mengambil tindakan, namun tiada tindakan diambil memandangkan anak anjing ini sudah menganggu keselamatan anak guam saya dan anakranya," katanya.

Berdasarkan fakta kes, pada hari kejadian, pengadu yang juga seorang lelaki sudah melihat OKS sedang memukul anak anjing dengan kayu dan kemudian sudah mencekik lalu menghempas dua anak anjing itu ke tanah.

Pada masa sama, pengadu cuba untuk menyalak dan mencegah perbuatan OKS itu, namun pengadu diberi amaran keras oleh OKS supaya tidak masuk campur dalam hal itu lalu pengadu membuat laporan kepada polis.

Berikutan itu, pihak polis meminta bantuan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah Gombak bagi menyelamatkan kedua-dua anak anjing itu untuk tujuan rawatan dan penjagaan.

## Lelaki aniaya anak anjing didenda

**Kuala Lumpur:** Seorang lelaki yang tular di media sosial kerana menghempas, memukul dan mencekik dua ekor anak anjing berusia sebulan, tahun lalu didenda RM14,000 atau penjara enam bulan oleh Mahkamah Sesyen Selayang di sini, semalam.

Hakim Maziah Joary Mohd Tajudin menjatuhkan hukuman itu ke atas Yahya Ammar Md Yusof, 41, selaku Orang Kena Saman (OKS) selepas dia mengaku bersalah atas pertuduhan pilihan.

Mengikut pertuduhan, Yahya Ammar didakwa dengan kejahanya memukul dua ekor anak anjing di belakang rumah di Batu 11, Jalan Gombak Lama, Gombak di sini, antara 10 dan 11 pagi pada 1 Ogos tahun lalu.

Lelaki itu didakwa

mengikut Seksyen 44(1)(a) Akta Binatang 1953 yang boleh dihukum di bawah seksyen dan akta sama dan dibaca bersama Akta Binatang (Pindaan 2013) yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara sehingga setahun atau kedua-duanya.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa Bahagian Penguatkuasa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor, Roslan Mohd Isa memohon hukuman berat dikenakan terhadap OKS dengan alasan perbuatan itu tidak sepatutnya berlaku.

Bagaimanapun, peguam Alif Ahmad Tarmizi yang mewakili OKS memohon hukuman ringan dengan alasan OKS adalah penanggung utama keluarga dan itu kesalahan pertama anak guamnya. - Bernama